

29 JUN 2002

Megat-Mahathir

MEGAT JUNID PERJELAS MAKSUD 'TOLAK ANSUR' PENGUNDURAN DR MAHATHIR

ALOR SETAR, 29 Jun (Bernama) -- Ketua Penerangan Umno Tan Sri Megat Junid Megat Ayub berkata kenyataannya mengenai tolak ansur berhubung pengunduran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ditujukan kepada pengorbanan Perdana Menteri untuk terus berkhidmat dan bukannya tolak ansur antara Dr Mahathir dan Jawatankuasa Pengurusan Umno.

Megat Junid berkata yang beliau maksudkan tolak ansur itu ialah ianya lahir dalam diri Dr Mahathir sendiri kerana sanggup berkorban meneruskan kepimpinan negara dan parti walaupun pada mulanya berkeras hendak meletakkan jawatan.

"Dr Mahathir sanggup berkorban dengan mengetepikan hasratnya untuk berundur bagi menumpukan lebih banyak masa untuk berehat, beribadat dan bermain-main dengan 15 orang cucunya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaacob bahawa proses peralihan kuasa yang diumumkan oleh Majlis Tertinggi parti baru-baru ini adalah dengan kehendak Dr Mahathir sendiri dan bukan disebabkan faktor tolak ansur atau kompromi dengan jawatankuasa itu.

"Tolak ansur dalam diri Dr Mahathir itu tafsiran saya sendiri. Jadi apa yang Tan Sri Khalil cakap betul dan apa yang saya cakap tidak salah," kata Megat Junid ketika ditemui pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Jawatankuasa Penerangan Umno Kedah di sini malam tadi.

Dr Mahathir mengejutkan negara apabila mengumumkan di akhir Perhimpunan Agung Umno pada Sabtu lepas keputusannya untuk melepaskan jawatannya dalam parti serta Barisan Nasional tetapi hasil rayuan daripada perwakilan dan Majlis Tertinggi Umno, menarik baliknya kemudian.

Tiga hari selepas itu, Khalil mengumumkan bahawa Dr Mahathir bersetuju untuk terus menerajui negara dan parti sehingga selepas Malaysia menjadi tuan rumah sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Oktober tahun depan sebelum menyerahkan tampuk kepimpinan kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Megat Junid berkata apa yang berlaku pada Sabtu lepas ketika Dr Mahathir melahirkan hasrat untuk berundur dan Abdullah merayu beliau menarik balik hasratnya itu adalah sesuatu yang luar biasa.

"Dr Mahathir seorang pemimpin, yang disanjung dan disegani bukan sahaja di dalam negeri tetapi juga di seluruh dunia sanggup meletakkan jawatan tanpa dipaksa atau digoncang.

"Biasanya kalau orang nombor satu nak keluar, orang nombor dua akan tepuk tangan. Tapi ini orang nombor dua merayu dan menangis. Keikhlasan dan kejujuran Pak Lah terserlah ketika itu," kata Megat Junid.

-- BERNAMA

JM MAI